



23 Disember 2013
23 December 2013
P.U. (A) 368

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN UMUR PERSARAAN MINIMUM (SIASATAN) 2013

MINIMUM RETIREMENT AGE (INQUIRY) REGULATIONS 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA UMUR PERSARAAN MINIMUM 2012

PERATURAN-PERATURAN UMUR PERSARAAN MINIMUM (SIASATAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 8(4) dan seksyen 19 Akta Umur Persaraan Minimum 2012 [*Akta 753*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Umur Persaraan Minimum (Siasatan) 2013**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2014.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“defendan” ertinya seseorang majikan yang terhadapnya suatu aduan dibuat di bawah subseksyen 8(1) Akta;

“notis siasatan” ertinya notis dalam Borang A, Borang B atau Borang C Jadual yang dikeluarkan di bawah perenggan 3(*b*) atau subperaturan 4(1), mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada seseorang yang menghendaki kehadirannya pada suatu siasatan;

“pengadu” ertinya seseorang pekerja yang membuat suatu aduan di bawah subseksyen 8(1) Akta.

Notis siasatan

3. Apabila suatu aduan di bawah subseksyen 8(1) Akta diterima bahawa pengadu telah dibersarakan secara pramasa oleh defendan, Ketua Pengarah hendaklah—

(*a*) menetapkan tarikh, masa dan tempat untuk suatu siasatan diadakan; dan

- (b) mengeluarkan suatu notis siasatan dalam Borang A dan Borang B Jadual kepada pengadu dan defendan, masing-masing, yang menghendaki kehadiran pengadu dan defendan pada siasatan itu pada tarikh dan masa dan di tempat yang dinyatakan dalam notis siasatan itu.

Kehadiran orang lain semasa siasatan

4. (1) Ketua Pengarah boleh—

- (a) atas permintaan pengadu atau defendan, melalui notis siasatan dalam Borang C Jadual, menghendaki mana-mana orang untuk hadir dan memberikan keterangan pada suatu siasatan;

- (b) melalui notis siasatan dalam Borang C Jadual, menghendaki mana-mana orang, yang Ketua Pengarah mempunyai sebab untuk mempercayai mempunyai pengetahuan mengenai perkara yang menjadi persoalan atau yang boleh memberikan apa-apa keterangan yang relevan, untuk hadir dan memberikan keterangan pada suatu siasatan.

(2) Suatu permintaan di bawah perenggan (1)(a) hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah tidak kurang daripada empat belas hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk siasatan.

Prosedur siasatan

5. (1) Ketua Pengarah hendaklah menjalankan suatu siasatan pada tarikh dan masa dan di tempat yang dinyatakan dalam notis siasatan.

(2) Mana-mana orang yang dikehendaki untuk hadir pada suatu siasatan di bawah perenggan 3(b) atau subperaturan 4(1) hendaklah hadir siasatan itu pada tarikh dan masa dan di tempat yang dinyatakan dalam notis siasatan.

(3) Semasa siasatan, Ketua Pengarah hendaklah memeriksa orang yang hadir atas sumpah atau ikrar dan orang itu hendaklah menjawab semua soalan yang dikemukakan oleh Ketua Pengarah kepadanya dengan benar.

(4) Jika mana-mana orang yang dikehendaki untuk hadir pada siasatan tidak hadir pada siasatan itu, Ketua Pengarah boleh, jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa notis siasatan telah disampaikan dengan sewajarnya ke atas orang itu, terus mendengar aduan itu walau pun tanpa kehadiran orang itu.

(5) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (2) atau (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Keputusan Ketua Pengarah

6. (1) Ketua Pengarah hendaklah, apabila siasatan diselesaikan, membuat keputusannya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 8(5) Akta.

(2) Keputusan Ketua Pengarah hendaklah dibuat dalam Borang D Jadual dan dikemukakan kepada pengadu dan defendan.

Penangguhan

7. Ketua Pengarah boleh menangguhkan suatu siasatan mengikut kehendak keadaan.

Rekod siasatan

8. (1) Ketua Pengarah hendaklah—

(a) menyimpan suatu buku kes untuk merekodkan pernyataan orang yang hadir pada suatu siasatan dan keputusan yang telah dibuat olehnya; dan

(b) mengesahkan rekod yang dibuat di bawah perenggan (a) dengan menurunkan tandatangannya pada buku kes itu.

(2) Rekod dalam buku kes itu hendaklah menjadi keterangan yang mencukupi bagi Ketua Pengarah dalam membuat keputusannya di bawah peraturan 6.

(3) Jika terdapat apa-apa rayuan di bawah seksyen 10 Akta terhadap keputusan Ketua Pengarah, Ketua Pengarah boleh memberikan sesalinan rekod siasatan kepada pengadu atau defendan.

Hak pekerja untuk hadir di hadapan Ketua Pengarah

9. (1) Tiada majikan boleh menghalang atau cuba untuk menghalang mana-mana pekerja daripada hadir di hadapan Ketua Pengarah pada suatu siasatan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(2) Mana-mana majikan yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Penyampaian notis

10. (1) Suatu notis siasatan boleh disampaikan kepada mana-mana orang secara ke diri dengan menyerahkan kepadanya notis siasatan itu.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), jika orang itu tidak boleh ditemui, notis siasatan itu boleh disampaikan dengan meninggalkan notis itu dengan—

(a) ejennya yang diberi kuasa untuk menerima penyampaian notis siasatan itu bagi pihak orang itu, jika ada; atau

(b) mana-mana anggota keluarganya yang dewasa (yang bukan pekhidmat domestik) yang tinggal bersamanya.

- (3) Dalam hal suatu perbadanan, suatu notis siasatan boleh disampaikan—
- (a) dengan meninggalkan notis siasatan itu di pejabat berdaftar atau tempat perniagaan perbadanan itu;
 - (b) dengan menghantar notis siasatan itu melalui pos berdaftar Akaun Terima yang dialamatkan kepada perbadanan itu di pejabat berdaftar atau tempat perniagaannya; atau
 - (c) dengan menyerahkan notis siasatan itu kepada mana-mana pengarah, setiausaha atau mana-mana pegawai lain perbadanan itu.
- (4) Dalam hal suatu firma, suatu notis siasatan boleh disampaikan—
- (a) dengan meninggalkan notis siasatan itu di pejabat berdaftar atau tempat perniagaan firma itu;
 - (b) dengan menghantar notis siasatan itu melalui pos berdaftar Akaun Terima yang dialamatkan kepada firma itu di pejabat berdaftar atau tempat perniagaannya; atau
 - (c) dengan menyerahkan notis siasatan itu kepada seorang atau lebih pekongsi firma itu atau kepada mana-mana orang yang, pada masa penyampaian itu, mempunyai kawalan ke atas atau menguruskan, perniagaan firma itu di pejabat berdaftar atau tempat perniagaan firma itu.

(5) Apabila suatu notis siasatan telah disampaikan kepada seseorang mengikut subperaturan (2), pegawai yang menyampaikan notis itu hendaklah menghendaki ejen atau anggota keluarga yang dewasa bagi orang itu menandatangani suatu pengakuterimaan penyampaian di atas salinan notis siasatan itu.

(6) Jika ejen atau anggota keluarga yang dewasa bagi orang itu menandatangani pengakuteraan yang disebut dalam subperaturan (5), pegawai yang menyampaikan notis itu hendaklah mengembalikan salinan notis siasatan itu kepada Ketua Pengarah dengan suatu affidavit yang menyatakan masa dan cara notis siasatan itu disampaikan.

(7) Jika ejen atau anggota keluarga yang dewasa bagi orang itu enggan atau tidak boleh menandatangani pengakuteraan yang disebut dalam subperaturan (5), pegawai yang menyampaikan notis itu hendaklah mengembalikan salinan notis siasatan itu kepada Ketua Pengarah dengan suatu affidavit yang menyatakan fakta mengenai keengganan atau ketidakbolehan menandatangani pengakuteraan itu dan nama ejen atau anggota keluarga yang dewasa bagi orang itu yang menerima notis siasatan itu.

(8) Pegawai yang menyampaikan notis hendaklah melekatkan notis siasatan di luar pintu rumah di mana orang yang hendak disampaikan notis siasatan itu biasanya tinggal jika—

- (a) orang itu, atau ejen atau anggota keluarga yang dewasa bagi orang itu yang disebut dalam subperaturan (2), enggan atau tidak boleh menerima notis siasatan yang diserahkan oleh pegawai yang menyampaikan notis itu; atau
- (b) pegawai yang menyampaikan notis itu tidak dapat menemui orang itu dan tiada ejen atau anggota keluarga yang dewasa bagi orang itu yang disebut dalam subperaturan (2) yang kepadanya penyampaian boleh dibuat.

(9) Selepas notis siasatan dilekatkan di bawah subperaturan (8), pegawai yang menyampaikan notis itu hendaklah mengembalikan salinan notis siasatan itu kepada Ketua Pengarah dengan suatu affidavit yang menyatakan bahawa dia telah melekatkan notis siasatan itu mengikut subperaturan (8) dan sebab dia berbuat demikian.

(10) Apabila Ketua Pengarah menerima salinan notis siasatan di bawah subperaturan (6), (7) dan (9), Ketua Pengarah hendaklah memeriksa pegawai yang menyampaikan notis itu atas ikrar berkenaan dengan cara penyampaian notis jika—

- (a) salinan notis siasatan itu dikembalikan tanpa affidavit sebagaimana yang dikehendaki di bawah subperaturan (6) atau (9); atau
- (b) salinan notis siasatan itu tidak diaku terima oleh ejen atau anggota keluarga yang dewasa bagi orang itu yang menerima sesalinan notis siasatan itu.

(11) Selepas membuat pemeriksaan di bawah subperaturan (10), Ketua Pengarah boleh mengisytiharkan bahawa notis siasatan itu telah disampaikan dengan sewajarnya atau boleh mengarahkan supaya notis siasatan itu disampaikan semula melalui apa-apa cara lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah.

(12) Tertakluk kepada subperaturan (2) atau (8), jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa terdapat sebab untuk mempercayai bahawa orang yang hendak disampaikan notis siasatan sedang mengelak penyampaian notis atau atas apa-apa sebab lain notis siasatan tidak dapat disampaikan, Ketua Pengarah boleh mengarahkan supaya notis siasatan itu disampaikan—

- (a) dengan menghantar notis siasatan itu melalui pos berdaftar Akuan Terima kepada orang itu di alamatnya yang terakhir diketahui;
- (b) dengan memaparkan notis siasatan itu di tempat yang mudah dilihat di dalam atau berdekatan dengan pejabat Ketua Pengarah;
- (c) dengan menyiarkan notis siasatan itu dalam satu surat khabar harian yang mempunyai edaran di seluruh negara atau dalam laman sesawang rasmi Jabatan Tenaga Kerja; atau

(d) dengan apa-apa cara lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah.

(13) Penyampaian di bawah subperaturan (12) hendaklah mempunyai kesan seolah-olah ia telah dibuat secara ke diri ke atas orang yang hendak disampaikan notis siasatan itu.

JADUAL

[perenggan 3(b), subperaturan 4(1) dan subperaturan 6(1)]

BORANG A

NOTIS SIASATAN KEPADA PENGADU

*(Di bawah perenggan 3(b) Peraturan-Peraturan Umur Persaraan
Minimum (Siasatan) 2013)*

Ketua Pengarah Tenaga Kerja No. Kes

antara

..... (Pengadu)

dengan

..... (Defendan)

Kepada:

.....

beralamat di

.....

Menurut aduan yang dibuat oleh kamu di bawah subseksyen 8(1) Akta Umur Persaraan Minimum 2012 terhadap defendan, adalah diberitahu bahawa suatu siasatan akan diadakan berkenaan dengan aduan itu dan dengan ini kamu diarahkan untuk hadir pada siasatan itu seperti yang berikut:

TEMPAT:

TARIKH:

MASA:

Kamu berhak untuk membawa mana-mana orang semasa siasatan itu untuk hadir dan memberikan keterangan sebagai saksi kamu. Bagi maksud itu, kamu mestilah membuat permintaan kepada Ketua Pengarah Tenaga Kerja tidak kurang daripada

empat belas (14) hari sebelum tarikh yang ditetapkan bagi siasatan itu supaya suatu notis siasatan dikemukakan kepada orang itu.

Jika kamu tidak hadir pada siasatan itu, siasatan itu akan diteruskan tanpa kehadiran kamu. Apa-apa keputusan boleh dibuat oleh Ketua Pengarah menurut subseksyen 8(5) Akta Umur Persaraan Minimum 2012 semasa siasatan itu dan kamu akan terikat dengan keputusan itu. Ambil perhatian bahawa kegagalan untuk mematuhi keputusan itu merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 11 Akta Umur Persaraan Minimum 2012.

Ambil perhatian bahawa menurut subperaturan 5(5) Peraturan-Peraturan Umur Persaraan Minimum (Siasatan) 2013, kegagalan menghadiri siasatan ialah suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Tarikh:

(Ketua Pengarah Tenaga Kerja)

BORANG B

NOTIS SIASATAN KEPADA DEFENDAN

*(Di bawah perenggan 3(b) Peraturan-Peraturan Umur Persaraan
Minimum (Siasatan) 2013)*

Ketua Pengarah Tenaga Kerja No. Kes

antara

..... (Pengadu)

dengan

..... (Defendan)

Kepada:

.....

beralamat di

.....

Suatu aduan telah dibuat terhadap kamu oleh pengadu di bawah subseksyen 8(1)
Akta Umur Persaraan Minimum 2012 bahawa:

.....

.....

Diberitahu bahawa suatu siasatan akan diadakan berkenaan dengan aduan itu dan
dengan ini kamu diarahkan untuk hadir pada siasatan itu seperti yang berikut:

TEMPAT:

TARIKH:

MASA:

Kamu berhak untuk membawa mana-mana orang semasa siasatan itu untuk hadir
dan memberikan keterangan sebagai saksi kamu. Bagi maksud itu, kamu mestilah
membuat permintaan kepada Ketua Pengarah Tenaga Kerja tidak kurang daripada

empat belas (14) hari sebelum tarikh yang ditetapkan bagi siasatan itu supaya suatu notis siasatan dikemukakan kepada orang itu.

Jika kamu tidak hadir pada siasatan itu, siasatan itu akan diteruskan tanpa kehadiran kamu. Apa-apa keputusan boleh dibuat oleh Ketua Pengarah menurut subseksyen 8(5) Akta Umur Persaraan Minimum 2012 semasa siasatan itu dan kamu akan terikat dengan keputusan itu. Ambil perhatian bahawa kegagalan untuk mematuhi keputusan itu merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 11 Akta Umur Persaraan Minimum 2012.

Ambil perhatian bahawa menurut subperaturan 5(5) Peraturan-Peraturan Umur Persaraan Minimum (Siasatan) 2013, kegagalan menghadiri siasatan ialah suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Tarikh:

(Ketua Pengarah Tenaga Kerja)

BORANG C

NOTIS SIASATAN KEPADA SAKSI

(Di bawah peraturan 4 Peraturan-Peraturan Umur Persaraan Minimum (Siasatan) 2013)

Ketua Pengarah Tenaga Kerja No. Kes

antara

..... (Pengadu)

dengan

..... (Defendan)

Kepada:

.....

beralamat di

.....

Suatu aduan telah dibuat terhadap defendan oleh pengadu di bawah subseksyen 8(1) Akta Umur Persaraan Minimum 2012 bahawa:

.....

.....

Diberitahu bahawa suatu siasatan akan diadakan berkenaan dengan aduan itu dan dengan ini kamu diarahkan untuk hadir pada siasatan itu untuk memberikan keterangan bagi pihak pengadu/defendan* seperti yang berikut:

TEMPAT:

TARIKH:

MASA:

Ambil perhatian bahawa menurut subperaturan 5(5) Peraturan-Peraturan Umur Persaraan Minimum (Siasatan) 2013, kegagalan menghadiri siasatan ialah suatu

kesalahan yang boleh dihukum dengan denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Tarikh:

(Ketua Pengarah Tenaga Kerja)

**Potong mana-mana yang tidak berkenaan*

BORANG D

KEPUTUSAN KETUA PENGARAH

(Di bawah peraturan 6 Peraturan-Peraturan Umur Persaraan Minimum (Siasatan) 2013)

Ketua Pengarah Tenaga Kerja No. Kes

antara

..... (Pengadu)

dengan

..... (Defendan)

Aduan dalam No. Kes..... di atas telah didengar pada suatu siasatan yang diadakan di..... (tempat) pada..... (tarikh).
Ketua Pengarah dengan ini membuat keputusan yang berikut:

.....
.....
.....
.....

Tarikh:

(Ketua Pengarah Tenaga Kerja)

Dibuat 18 Disember 2013
[KSM/PUU/(S)600-1/2/5/1; PN(PU2)722]

DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM
Menteri Sumber Manusia

MINIMUM RETIREMENT AGE ACT 2012

MINIMUM RETIREMENT AGE (INQUIRY) REGULATIONS 2013

IN exercise of the powers conferred by subsection 8(4) and section 19 of the Minimum Retirement Age Act 2012 [*Act 753*], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Minimum Retirement Age (Inquiry) Regulations 2013**.

(2) These Regulations come into operation on 1 January 2014.

Interpretation

2. In these Regulations—

“defendant” means an employer against whom a complaint is made under subsection 8(1) of the Act;

“notice of inquiry” means a notice in Form A, Form B or Form C of the Schedule issued under paragraph 3(*b*) or subregulation 4(1), as the case may be, to a person requiring the person’s attendance at an inquiry;

“complainant” means an employee who makes a complaint under subsection 8(1) of the Act.

Notice of inquiry

3. Upon receipt of a complaint under subsection 8(1) of the Act that a complainant has been prematurely retired by the defendant, the Director General shall—

(*a*) fix a date, time and place for an inquiry to be held; and

(*b*) issue a notice of inquiry in Form A and Form B of the Schedule to the complainant and the defendant, respectively, requiring the attendance of

the complainant and the defendant at the inquiry on the date and time and at the place specified in the notice of inquiry.

Attendance of other person at inquiry

4. (1) The Director General may—

(a) at the request of the complainant or the defendant, by notice of inquiry in Form C of the Schedule, require any person to attend and give evidence at an inquiry;

(b) by notice of inquiry in Form C of the Schedule, require any person, who the Director General has reason to believe has knowledge of the matters in issue or may give any relevant evidence, to attend and give evidence at an inquiry.

(2) A request under paragraph (1)(a) shall be made to the Director General not less than fourteen days before the date fixed for the inquiry.

Procedure of inquiry

5. (1) The Director General shall conduct an inquiry on the date and time and at the place specified in the notice of inquiry.

(2) Any person who is required to attend an inquiry under paragraph 3(b) or subregulation 4(1) shall attend the inquiry on the date and time and at the place specified in the notice of inquiry.

(3) At the inquiry, the Director General shall examine the person present on oath or affirmation and the person shall answer truthfully all questions which the Director General may put to him.

(4) Where any person required to attend the inquiry fails to attend the inquiry, the Director General may, if the Director General is satisfied that the notice of

inquiry has been duly served on the person, proceed to hear the complaint notwithstanding the absence of the person.

(5) Any person who contravenes subregulation (2) or (3) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or to both.

Decision of the Director General

6. (1) The Director General shall, upon completion of the inquiry, make his decision as provided under subsection 8(5) of the Act.

(2) The decision of the Director General shall be made in Form D of the Schedule and be forwarded to the complainant and the defendant.

Adjournment

7. The Director General may adjourn an inquiry as the case may require.

Record of inquiry

8. (1) The Director General shall—

(a) keep a case book to record the statement of the persons present at an inquiry and the decision he has made; and

(b) authenticate the record made under paragraph (a) by attaching his signature to the case book.

(2) The record in the case book shall be sufficient evidence for the Director General in making his decision under regulation 6.

(3) Where there is any appeal under section 10 of the Act against the decision of the Director General, the Director General may give a copy of the record of inquiry to the complainant or the defendant.

Right of employee to appear before the Director General

9. (1) No employer shall prevent or attempt to prevent any employee from appearing before the Director General at an inquiry under these Regulations.

(2) Any employer who contravenes subregulation (1) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or to both.

Service of notice

10. (1) A notice of inquiry may be served on any person personally by delivering the notice of inquiry to him.

(2) Notwithstanding subregulation (1), if the person cannot be found, the notice of inquiry may be served by leaving the notice with—

(a) his agent who is authorized to accept service of the notice of inquiry on the person's behalf, if any; or

(b) any adult member of his family (not being a domestic servant) who is residing with him.

(3) In the case of a corporation, a notice of inquiry may be served—

(a) by leaving the notice of inquiry at the registered office or place of business of the corporation;

(b) by sending the notice of inquiry by A.R. registered post addressed to the corporation at its registered office or place of business; or

(c) by delivering the notice of inquiry to any director, secretary or any other officer of the corporation.

(4) In the case of a firm, a notice of inquiry may be served—

- (a) by leaving the notice of inquiry at the registered office or place of business of the firm;
- (b) by sending the notice of inquiry by A.R. registered post addressed to the firm at its registered office or place of business; or
- (c) by delivering the notice of inquiry to one or more of the partners of the firm or to any person who, at the time of service, has the control of, or manages, the business of the firm at the registered office or place of business of the firm.

(5) When a notice of inquiry has been served on a person in accordance with subregulation (2), the serving officer shall require the agent or adult member of the person's family to sign an acknowledgment of service on a copy of the notice of inquiry.

(6) If the agent or adult member of the person's family signs the acknowledgement referred to in subregulation (5), the serving officer shall return the copy of the notice of inquiry to the Director General with an affidavit stating the time when and the manner in which the notice of inquiry was served.

(7) If the agent or adult member of the person's family refuses or is unable to sign the acknowledgment referred to in subregulation (5), the serving officer shall return the copy of the notice of inquiry to the Director General with an affidavit stating the facts of such refusal or inability to sign the acknowledgment and the name of the agent or adult member of the person's family receiving the notice of inquiry.

(8) A serving officer shall affix the notice of inquiry on the outer door of the house in which the person to be served with the notice of inquiry ordinarily resides if—

- (a) the person, or his agent or adult member of the person's family referred to in subregulation (2), refuses or is unable to accept the notice of inquiry delivered by the serving officer; or
- (b) the serving officer cannot find the person and there is no agent or adult member of the person's family referred to in subregulation (2) on whom the service may be made.

(9) After affixing the notice of inquiry under subregulation (8), the serving officer shall return the copy of the notice of inquiry to the Director General with an affidavit stating that he has affixed the notice of inquiry in accordance with subregulation (8) and the reason of doing so.

(10) When the Director General receives the copy of the notice of inquiry under subregulations (6), (7) and (9), the Director General shall examine the serving officer on affirmation as to the manner of service if —

- (a) the copy notice of inquiry is returned without an affidavit as required under subregulation (6) or (9); or
- (b) the copy notice of inquiry is not acknowledged by the agent or adult member of the person's family receiving the notice of inquiry.

(11) After making the examination under subregulation (10), the Director General may declare that the notice of inquiry has been duly served or may order the notice of inquiry to be served again by such other manner as the Director General thinks fit.

(12) Subject to subregulation (2) or (8), if the Director General is satisfied that there is reason to believe that the person to be served with a notice of inquiry is avoiding service or for any other reason a notice of inquiry cannot be served, the Director General may order the notice of inquiry to be served—

- (a)* by sending the notice of inquiry by A.R. registered post to the person at his last-known address;
- (b)* by displaying the notice of inquiry in some conspicuous place in or near the office of the Director General;
- (c)* by publishing the notice of inquiry in one daily newspaper having national circulation or in the official website of the Department of Labour; or
- (d)* by such other manner as the Director General thinks fit.

(13) The service under subregulation (12) shall be effective as if it had been made personally on the person to be served with the notice of inquiry.

SCHEDULE

[paragraph 3(b), subregulation 4(1) and subregulation 6(1)]

FORM A

NOTICE OF INQUIRY TO THE COMPLAINANT

(Under paragraph 3(b) of the Minimum Retirement Age (Inquiry) Regulations 2013)

Director General of Labour Case No.

between

..... (Complainant)

and

..... (Defendant)

To:

.....
address at
.....

Pursuant to the complaint made by you under subsection 8(1) of the Minimum Retirement Age 2012 against the defendant, it is notified that an inquiry will be held in respect of the complaint and you are hereby ordered to attend the inquiry as follows:

PLACE:

DATE:

TIME:

You are entitled to bring any person at the inquiry to appear and give evidence as your witness. For that purpose, you must make a request to the Director General of Labour not less than fourteen (14) days before the date fixed for the inquiry for a notice of inquiry to be forwarded to the person.

If you fail to attend the inquiry, the inquiry will proceed in your absence. Any decision may be made by the Director General pursuant to subsection 8(5) of the Minimum Retirement Age Act 2012 during the inquiry and you will be bound by the decision. Take notice that failure to comply with the decision is an offence under section 11 of the Minimum Retirement Age Act 2012.

Take notice that pursuant to subregulation 5(5) of the Minimum Retirement Age (Inquiry) Regulations 2013, failure to attend the inquiry is an offence punishable with fine not exceeding one thousand ringgit or with imprisonment for a term not exceeding six months or with both.

Date:

(Director General of Labour)

FORM B

NOTICE OF INQUIRY TO THE DEFENDANT

(Under paragraph 3(b) of the Minimum Retirement Age (Inquiry) Regulations 2013)

Director General of Labour Case No.

between

..... (Complainant)

and

..... (Defendant)

To:

.....
address at
.....

A complaint has been made against you by the complainant under subsection 8(1) of the Minimum Retirement Age Act 2012 that:

.....
.....

It is notified that an inquiry will be held in respect of the complaint and you are hereby ordered to attend the inquiry as follows:

PLACE:
DATE:
TIME:

You are entitled to bring any person at the inquiry to appear and give evidence as your witness. For that purpose, you must make a request to the Director General of

Labour not less than fourteen (14) days before the date fixed for the inquiry for a notice of inquiry to be forwarded to the person.

If you fail to attend the inquiry, the inquiry will proceed in your absence. Any decision may be made by the Director General pursuant to subsection 8(5) of the Minimum Retirement Age Act 2012 during the inquiry and you will be bound by the decision. Take notice that failure to comply with the decision is an offence under section 11 of the Minimum Retirement Age Act 2012.

Take notice that pursuant to subregulation 5(5) of the Minimum Retirement Age (Inquiry) Regulations 2013, failure to attend the inquiry is an offence punishable with fine not exceeding one thousand ringgit or with imprisonment for a term not exceeding six months or with both.

Date:

(Director General of Labour)

FORM C

NOTICE OF INQUIRY TO THE WITNESS

(Under regulation 4 of the Minimum Retirement Age (Inquiry) Regulations 2013)

Director General of Labour Case No.

between

..... (Complainant)

and

..... (Defendant)

To:

.....
address at
.....

A complaint has been made against the defendant by the complainant under subsection 8(1) of the Minimum Retirement Age Act 2012 that:

.....
.....

It is notified that an inquiry will be held in respect of the complaint and you are hereby ordered to attend the inquiry to give evidence on behalf of the complainant/defendant* as follows:

PLACE:
DATE:
TIME:

Take notice that pursuant to subregulation 5(5) of the Minimum Retirement Age (Inquiry) Regulations 2013, failure to attend the inquiry is an offence punishable with

fine not exceeding one thousand ringgit or with imprisonment for a term not exceeding six months or with both.

Date:

(Director General of Labour)

** Delete whichever is inapplicable*

FORM D

DECISION OF THE DIRECTOR GENERAL

(Under regulation 6 of the Minimum Retirement Age (Inquiry) Regulations 2013)

Director General of Labour Case No.

between

..... (Complainant)

and

..... (Defendant)

The complaint in the above Case No. was heard at an inquiry which was held at(place) on(date).

The Director General hereby makes the following decision:

.....
.....
.....
.....

Date:

(Director General of Labour)

Made 18 December 2013
[KSM/PUU/(S)600-1/2/5/1; PN(PU2)722]

DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM
Minister of Human Resources